

MESYUARAT KOORDINASI TRILATERAL AIR PATROL SIRI 1/18



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3217-mesyuarat-koordinasi-trilateral-air-patrol-siri-1-18

LABUAN, 22 Mac 18 - Markas Wilayah Udara 2 telah menganjurkan Mesyuarat Koordinasi Trilateral Air Patrol (TAP) Siri 1/18 bertempat di Kota Kinabalu. Operasi penerbangan TAP yang melibatkan tiga negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Filipina telah dilaksanakan dengan jayanya bagi tempoh 5 bulan sejak dilancarkan pada Oktober 17. Mesyuarat kali ini bertujuan menambah baik koordinasi diantara MAWILUD 2, Maritime Control Centre (MCC) Tawau, Skuadron penerbangan dan elemen-elemen sokongan bagi misi TAP. Mesyuarat peringkat taktikal ini turut di hadiri oleh wakil dari MTU-BOS, MPOU dan juga Majlis Keselamatan Negara (MKN). Dalam masa yang sama telah berlangsung Bengkel Kurikulum Kursus Lanjutan Pengawasan Maritim Udara bermula 19 - 23 Mac 18.

